

KENYATAAN DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

23 DISEMBER 2021

1. PROMOSI BAYARAN LESEN PERNIAGAAN MBSP

Dimaklumkan MBSP telah melancarkan Program Promosi Bayaran Lesen Perniagaan MBSP pada 28 April 2021. Program tersebut menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan sebanyak RM 13,300.00 kepada pemegang yang **menepati kriteria kelayakan** penyertaan seperti berikut :

- a. Pemegang lesen perniagaan MBSP yang sah untuk kategori **Lesen Premis dan Iklan, Lesen Penjaja dan Lesen Veterinar MBSP**;
- b. Telah membuat pembayaran lesen perniagaan untuk tempoh sah laku melebihi satu (1) tahun dan tarikh tamat lesen adalah pada 31 Disember 2022 dan ke atas; dan

c. Telah menjelaskan bayaran lesen (untuk permohonan baru atau pembaharuan lesen) bermula 01 Mac 2021 sehingga 28 Februari 2022.

Sehubungan itu, saya menyeru dan menggesa semua pemegang lesen perniagaan MBSP untuk segera menjelaskan bayaran lesen anda sebelum atau pada 28 Februari 2022 bagi melayakkan anda secara automatik menyertai program ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan program ini, sila hubungi Jabatan Pelesenan di talian 04-5497685 atau e-melkan ke pelesenan@mbsp.gov.my.

2. PEMBERIAN REBAT CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2022 BAGI SELURUH HARTA BERKADAR MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Sukacita saya memaklumkan bahawa pada 21 Disember 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk memberikan rebat cukai taksiran tahun 2022 bagi seluruh harta berkadar di negeri Pulau Pinang termasuk di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Jumlah rebat cukai taksiran tahun 2022 yang telah **diluluskan** adalah seperti berikut:

1. Pemberian rebat 100% ke atas jumlah kenaikan cukai tahun 2020 untuk rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung; dan
2. Pemberian rebat 50% daripada jumlah kenaikan cukai tahun 2020 ke atas lain-lain kategori pegangan.

Untuk makluman, bil cukai taksiran MBSP bagi penggal pertama tahun 2022 telah dikeluarkan secara berperingkat mulai 29 November 2021 yang lalu. Sehubungan dengan itu, pembayar cukai bakal menikmati jumlah rebat berkenaan semasa pengeluaran bil cukai taksiran penggal kedua 2022 kelak. Bagi yang telah membuat pembayaran penuh cukai taksiran setahun 2022 serta layak menyertai cabutan bertuah Promosi Cukai Taksiran Tahun 2022, jumlah rebat berkenaan akan dikreditkan terus ke akaun pemilik cukai masing-masing sebagai lebihan bayaran.

Diharap dengan pemberian rebat ini, ianya dapat mengurangkan beban serta dapat membantu rakyat terutamanya golongan kurang berkemampuan yang terjejas akibat daripada kemerosotan pendapatan dan taraf hidup kesan daripada pandemik COVID-19

3. SAMBUTAN HARI NATAL

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2021 (Sabtu) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum dan sentiasa amalkan Standard Operating Procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. SAMBUTAN TAHUN BARU 2022

Dimaklumkan bahawa Sambutan Tahun Baru 2022 jatuh pada 1 Januari 2022 (Sabtu) dan ianya merupakan hari cuti umum. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2022 dan selamat bercuti disamping keluarga yang tersayang dan sesekali lupa mengamalkan Standard Operating Procedure (SOP).

5. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard

yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19. Sekarang kita berada di Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan. Saya menyeru penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.